

24 APR 1997

PERDANA MENTERI Pengerusikan Mesyuarat NITC

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mesyuarat antara lain membincangkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan, pelaksanaan aplikasi penunjuk cara dan pembangunan infrastruktur projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Aplikasi penunjuk cara ialah aplikasi yang lebih kecil yang lebih memusatkan tumpuan berbanding dengan Aplikasi MSC.

Rangkaian Perpustakaan Elektronik, Perisian Kursus Interaktif mengenai Haji dan Umrah serta Infonet Rakan Muda ialah antara contohnya.

Yang turut menghadiri mesyuarat ialah Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara Tengku Datuk Dr Mohamed Azzman Shariffadeen, yang juga ketua pegawai eksekutif dan presiden Mimos Berhad.

NITC mengandungi wakil dari sektor awam dan swasta sektor Teknologi Maklumat. -- BERNAMA

NI FAZ